

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

PAS kaji rujuk ke BN?

KOTA BHARU, Selasa — Yang Dipertua Agung PAS, Datuk Haji Asri Haji Muda, dikatakan sedang memikirkan dengan serius sama ada untuk membawa PAS menyertai semula Barisan Nasional atau tidak.

Menurut sumber rasmi Perhubungan PAS Negeri, satu mesyuarat khas diadakan antara Datuk Asri dengan para pemimpin tertinggi PAS di sini malam tadi, membincangkan strategi PAS dan soal tawaran Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad supaya PAS menyertai BN.

Antara tokoh-tokoh yang hadir dalam mesyuarat itu ialah Ahli Jawatankuasa Agung PAS Pusat, Wan Ismail Wan Ibrahim dan Encik Zahari Awang, Timbalan Pesuruhjaya PAS Kelantan, Ustaz Khaidir Khatib.

Yang lainnya Nik Mustapha Shafie, Setiausaha PAS Jeli dan Yang Dipertua PAS Bachok, Encik Mohd. Zain Abdullah, Setiausaha Pemuda PAS Negeri, Wan Ibrahim Abdullah, Yang Dipertua PAS Pasir MAS, Datuk Nik Man Nik Mohamad dan Encik Manan Haji Mohamad dan penyokong-penyokong PAS.

Datuk Haji Asri sekarang dikatakan berada dalam delima untuk menentukan nasib

masa depan PAS di negara ini, kerana sudah kecewa dengan kekalahan teruk PAS dalam pilihanraya baru-baru ini di negeri-negeri Kedah, Perlis, Pahang, Johor, Perak dan Selangor, kecuali negeri Trengganu dan Kelantan. PAS menambah bilangan kerusi Dewan Undangan Negeri dan Parlimen.

Menurut sumber itu lagi, Datuk Haji Asri begitu berhasrat untuk membawa PAS menyertai BN atas dasar perjuangan PAS dalam masa 20 tahun akan datang serta keyakinan penuh terhadap pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk memenuhi kehendak masyarakat Islam di negara ini.

Para pemimpin PAS di Kelantan sekarang berbelah bagi sama ada menerima keputusan Datuk Haji Asri atau menghadapi kemungkinan berlaku perpecahan dalam parti kerana terdapat segolongan pemimpin dan ahli PAS yang tidak mahu menyertai BN.

Berita Harian difahamkan para pemimpin PAS di belakang Datuk Haji Asri yang menyokong kemasukan semula PAS dalam BN ialah Encik Zahari Awang, Haji Wan Ismail Wan Ibrahim, Nik Mustapha Shafie, Datuk Nik Man bin Nik Mohamad, Ahli Parlimen (PAS) Bachok, Encik

Mohd. Zain Abdullah, Ahli Parlimen (PAS) Pasir Mas, Wan Ibrahim Abdullah, Encik Manan Haji Hassan dan Ustaz Salahuddin Abdullah.

Manakala yang bersikap berkecuali, Ketua Dewan Ulama, Ustaz Haji Nik Aziz Nik Mat, yang juga Ahli Parlimen (PAS) Pengkalan Chepa dan Haji Nik Abdullah Arshad.

Menurut jurucakap Perhubungan PAS Kelantan, terdapat pula segolongan penyokong PAS yang menentang ura-ura kemasukan PAS sebagai anggota komponen BN, dikatakan diketuai oleh Ahli Parlimen (PAS) Rantau Panjang, Encik Hassan Haji Mohamad, Encik Hassan Ishak (peguam) yang menang tanpa bertanding bagi kerusi Dewan Undangan Negeri Kemumin.

Yang Dipertua Agung PAS itu juga dikatakan bimbang akan timbul satu tentangan yang hebat dari dalam PAS sendiri jika ia menyahut seruan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad itu.

Bagaimanapun, jika Datuk Haji Asri berjaya menseimbangkan kedudukan dua kumpulan antara yang menyokong dan menentang kemasukan PAS ke dalam Barisan Nasional dengan memberi penerangan dan hujah perjuangan jangka panjang PAS ini, kemungkinan besar dapat meredakan penentangan tersebut.